

Penyebaran Islam ke Pahang Berdasarkan Bukti Awal Sebelum Pengislaman Dari Melaka: Satu Tinjauan

Mohd Faizal Harun
Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial
Widad University College

Email; faizal@widad.edu.my

Abstrak

Penulisan ini bertujuan membawa kepada penelitian terhadap penyebaran Islam di Pahang. Metode yang digunakan dalam penulisan artikel ini adalah berbentuk studi literatur. Pahang merupakan salah sebuah negeri antara yang paling awal menerima kedatangan Islam. Proses islamisasi Pahang melalui satu jalur yang panjang bermula seawal abad ke-11 lagi. Ini dibuktikan dengan penemuan Batu Nisan di Pekan, Pahang yang bertarikh 419H/1028. Ada kajian-kajian sejarah menyatakan bahawa pengislaman Pahang adalah hasil daripada penyebaran Islam dari Melaka. Namun penulisan ini memperlihatkan bahawa pengaruh kedatangan Islam itu telah wujud sebelum tertubuhnya Kesultanan Melayu Melaka. Ini berdasarkan beberapa penemuan bukti awal seperti batu nisan, timba tembaga, kedatangan para pendakwah asing dan sebagainya yang jelas memperlihatkan hal demikian.

Kata kunci : *Pahang, Melaka, Penyebaran Islam, Penemuan bukti*

Pengenalan

Berkenaan sejarah kemasukan Islam ke Pahang, majoriti pengkaji sejarah menyatakan bahawa Islam telah tersebar semasa Pahang ditakluki oleh kerajaan Melaka sekitar abad ke-15. Dalam hal ini, Abdullah (1992) dan Mohd Nazri *et al.* (1998) menyatakan bahawa Islam sebenarnya tersebar ke Pahang selepas penaklukan Melaka, lebih tepat semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah (1456–1477). Namun, berdasarkan kepada kajian-kajian mutakhir ini, terdapat pandangan-pandangan yang menyatakan sebaliknya. Pahang sebenarnya telah menerima pengaruh Islam jauh lebih awal berbanding fakta akan kewujudan kerajaan Melaka; bahkan kedatangan Islam ke Melaka itu sendiri (Farid & Amnah Saayah, 2007: 189). Kajian yang dijalankan oleh sembilan orang penyelidik tempatan yang dilantik oleh kerajaan negeri Melaka telah menetapkan tarikh baharu penubuhan kerajaan Melayu Melaka iaitu pada tahun 1262 berbanding tarikh lama pada tahun 1400. Hal ini berdasarkan tulisan Sejarah Melayu (*Sulalatus Salatin*) versi Raja Bongsu, yang menyatakan kerajaan Melayu Melaka diasaskan pada tahun 660H bersamaan tahun 1262 (Abd Jalil, 2012: 31). Jika fakta pengasasan Melaka ini diambil kira, bermakna kedatangan Islam ke Pahang telah bermula lebih awal lagi berbanding tarikh yang kebiasaannya ditulis dalam buku-buku sejarah iaitu pada zaman Sultan Muzaffar Shah (Linehan, 1963: 12) dan juga pelengkapnya pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah (Tun Seri Lanang, 2009). Oleh itu, dalam artikel ini akan dikemukakan beberapa penemuan baharu berdasarkan kajian penulis-penulis sejarah Pahang yang mempunyai kaitan dengan kedatangan Islam ke Pahang pada beberapa fasa sebelum penaklukan Melaka lagi.¹ Penyebaran dan perkembangan Islam kemudiannya telah

¹ Untuk perbincangan lebih lanjut, lihat Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Anuar Ramli, "Islamisasi Awal di Pahang: Satu Tinjauan Teori," *Jurnal Kemanusiaan* 24, 1 (2015), hlm. 1-

membentuk satu kepercayaan beragama yang kukuh ketika ia diperintah oleh Sultan-sultan Pahang berketurunan Kesultanan Melaka.

Kedatangan Islam Ke Pahang

Diyakini sebelum kemasukan Islam ke Pahang, penduduknya adalah menganut agama Hindu-Buddha dan berpegang kepada kepercayaan anismisme. Ini berikutan sebelum Pahang ditakluki kerajaan Islam Melaka, terdapat tiga buah kerajaan asing yang menguasai Pahang iaitu Srivijaya pada abad ke-13, Majapahit abad ke-14 dan Siam pada abad ke-15. Ketiga-tiga kerajaan ini dipercayai mengamalkan kepercayaan agama Hindu-Buddha (Abdul Rahman, 2012). Ada sesetengah ahli sejarah mengatakan orang-orang Pahang asalnya menganut agama Buddha Mahayana. Ini kerana mereka mengamalkan upacara penyembahan berhala di samping melakukan pengorbanan manusia (Mohammad Redho, 2019: 551).

Pemerintah Pahang terakhir bergelar Maharaja Dewa Sura, beragama Buddha sebelum Pahang ditakluki Melaka. Pahang telah diserang oleh kerajaan Islam Melaka pada zaman Sultan Mansur Shah dan akhirnya Maharaja Dewa Sura yang bernaung di bawah Siam telah lari ke Ligor, sebuah daerah yang terletak di bawah kekuasaan Siam. Dengan ini, Pahang telah jatuh ke tangan Melaka pada tahun 1454 semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah dan orang besar Melaka yang bergelar Seri Bija Diraja (Tun Hamzah, Dato' Bangkok) telah ditempatkan di Pahang sebagai wakil Sultan Melaka memerintah di situ. Puteri Pahang yang bernama Puteri Wanang Seri atau Puteri Lela Wangsa itu telah diperisterikan oleh Sultan Mansur Shah, dan itulah permulaan masanya Sultan Mansur Shah meluaskan kuasa kerajaan Melayu Melaka ke negeri lain (Buyong, 1984: 37).

Bukti-Bukti Awal Islam Di Pahang

Rekod yang dapat dikesan mengenai kedatangan awal Islam ke Pahang setakat ini ialah dengan penemuan bukti **batu nisan yang dijumpai di Teluk Cik Munah**, Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan pada bulan Jun 1953. Mengikut sebuah makalah yang ditulis oleh Dato' Sir Mahmud bin Mat² dalam *The Malayan Historical Journal* (Volume 2) No. 2, keluaran Disember 1955;

“Suatu hari dalam bulan Jun 1953, penduduk Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan, Pahang menggali lubang kubur untuk mengebumikan mayat seorang kanak-kanak perempuan lebih kurang 3½ kaki dalam, mereka terjumpa sebuah batu nisan. Jumpaan ini melengkapkan pasangan batu nisan sebelah kaki yang sedia ada. Batu nisan ini bertulis dengan ayat-ayat al-Quran dan syair dalam bahasa Arab dengan menggunakan khat *thuluth*. Tulisannya terdapat pada semua penumpang pada kedua-dua batu nisan itu”.

(Mahmud, 1955: 137-140)

14. Lihat juga Abd Jalil Borham dalam kertas kerja bertajuk *Legasi Islam di Pahang Wadah Transformasi Jati Diri Umat Gemilang* yang dibentangkan dalam Syarahan Umum Profesor Universiti Malaysia Pahang di Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang pada 12 Mac 2014.

² Menteri Besar Pahang pertama yang dilantik dari tahun 1948–1951. Beliau pernah dilantik sebagai Menteri Tanah, Lombong dan Perhubungan pada tahun 1951 setelah pembentukan Sistem Ahli.

Dato' Sir Mahmud bin Mat tidak dapat mengesan tarikhnya yang ditulis dalam bentuk syair itu. Dari semenjak itu, (Dato') Zakaria Hitam seorang tokoh sejarah Pahang, A. Halim Nasir dari Muzium Negara dan (Dato') Mokhtar Shafii telah berusaha untuk mengesan tarikh yang tertulis pada batu nisan itu. Dengan bantuan bekas Kadi Kuantan, Tuan Haji Sulaiman bin Husain, tarikhnya ialah tahun Hijrah 914. Akan tetapi dengan bantuan Ustaz Haji Abdul Wahab bin Haji Abdullah, Nazir Sekolah, Sekolah Menengah Agama Pahang, suatu terjemahan ilmiah kepada ayat-ayat al-Quran dan syair dalam bahasa Arab itu dapat dibuat dan tarikh yang tertera pada batu nisan itu ialah:

“Waktu Subuh hari Rabu 14hb Rabiul Awal Tahun Hijrah 419”.

(Mohd Mokhtar, 2007: 18-19)

Pihak Muzium Sultan Abu Bakar Pahang dan Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang telah membuat pengesahan pada 6 Ogos 1980 tentang tarikh tersebut (Zaleha & Abdul Halim, 2014: 36; Mohd Mokhtar, 2007: 18). Berdasarkan penelitian penulis, 14hb Rabiul Awal 419H bersamaan 12hb April 1028 (Date Converter Masihi–Hijri). Justeru, jika tarikh ini disepakati, kemasukan Islam ke Pahang jauh lebih awal berbanding tarikh yang tercatat pada Batu Bersurat Terengganu (Zaleha & Abdul Halim, 2014: 36). Batu bersurat yang dijumpai di tebing Sungai Tersat, dekat Kampung Buluh, Kuala Berang, Hulu Terengganu pada tahun 1887 tertera tulisan jawi yang menerangkan secara ringkas hukum-hukum Islam bertarikh 4 Rejab tahun 702H bersamaan 22 Februari 1303 (Othman & Abdul Halim, 2007: 46-47).



Sumber : http://sultanabubakarmuseum.com/index.php?option=com_content&view=article&id=90:timbal-tembaga&catid=39&lang=my&Itemid=217 (4 Februari 2020)

Gambar 1 : Batu Nisan Teluk Cik Munah, Permatang Pasir, Pekan.

Keduanya **penemuan ‘Timba Tembaga’** di Pahang. Pada timba ini tertera tulisan timbul tahun 707H bersamaan tahun 1308. Timba ini dipercayai digunakan di surau atau masjid dan dikaitkan dengan petempatan Islam di Pahang. Terdapat kesan haus di bahagian tepi badan artifak tersebut yang dipercayai disebabkan oleh fungsinya sebagai alat untuk mengambil air di dalam perigi. Penemuan timba tembaga tersebut adalah bukti bahawa penempatan Islam yang lebih kompleks telah wujud di Pahang (Mohammad Redho, 2019: 558).

Timba tembaga yang dijumpai ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa sudah ada komuniti Islam ke Pahang dan berkemungkinan juga mereka ini datang untuk berdakwah dan mengajak penduduk setempat memeluk agama Islam. Dengan kata lain golongan pendakwah telah sampai di Pahang dan berkemungkinan tinggal untuk mengajar perkara-perkara agama.



Sumber : http://sultanabubakarmuseum.com/index.php?option=com_content&view=article&id=90:timba-tembaga &catid=39&lang=my&Itemid=217 (4 Februari 2020)

Gambar 2: Timba Tembaga yang ditemui di Pahang.

Menurut seorang pengkaji iaitu Mohammad Redho (Abu Ammar Samantani), beliau menyentuh berkenaan dengan **kedudukan Pekan, Pahang yang telah wujud dengan nama Inderapura**. Bagi beliau, kerajaan lama Inderapura telah wujud begitu lama seiring dengan waktu kerajaan Srivijaya (abad ke-7 hingga 13). Ertinya telah ada kerajaan kecil di Pekan yang bernama Inderapura dan lokasi awalnya terletak di Kuala Pahang. Sudah dimaklumi bahawa kawasan ini telah didiami oleh orang-orang Arab yang berketurunan Syeikh, Sayid (Syed) dan Maulana sehingga adanya nama Kampung Pulau Maulana. Begitu juga dengan adanya makam diraja sejak turun-temurun sehingga terdapat nama Kampung Marhum (Raja-raja) di Pekan (Mohammad Redho, 2019: 558).

Selain daripada itu juga, teori masuknya Islam ke Pahang lebih awal berbanding dengan penyebaran Islam oleh Melaka juga dibuktikan dengan **catatan-catatan ahli pengembara Arab**. Antara pengembara dan ahli geografi Islam yang pernah mencatat berkenaan dengan Pahang seperti al-Mas'udi, al-Sirafi, al-Bakri dan Ibnu Khurdadhbih. Jika diamati tentang tarikh penulisan mereka ini jelas memperlihatkan akan kepentingan Pahang sebagai sebuah negeri yang menjadi tumpuan para pedagang dan pengembara sebelum kemunculan Melaka sebagai sebuah empayar Islam menggantikan pengaruh Perlak dan Pasai.

Ibnu Khurdadhbih, telah mengarang sebuah kitab bertajuk *al-Masalik wa al-Mamalik*³ pada tahun 847; al-Sirafi pula telah catat mengenai Pahang dalam karyanya *Akhbar al-Sin wa al-Hind* pada tahun 851; sementara al-Mas'udi pernah sampai ke Tioman telah menulis kitab berjudul *Muruj al-Dhabab* pada tahun 943; dan al-Bakri turut mengkarya sebuah kitab bernama *al-Masalik wa al-Mamalik* pada tahun 1068 yang menceritakan berkenaan negeri-negeri di Tanah Melayu pada masa tersebut.

Sebagai contohnya, kitab ‘*al-Masalik wa al-Mamalik*’ karangan Ibnu Khurdadhbih⁴ merupakan kumpulan catatan pengembara dan pedagang Arab berdasarkan keterangan mereka sebelum tarikh kitab ini ditulis lagi. Perjalanan Ibnu Khurdadhbih melalui India Timur berkait rapat dengan perjalanan “*Akhbar al-Sin*” kecuali selepas Pulau Tioman, beliau berhenti di suatu tempat bernama “*Ma'it*”. Kemungkinan besar ia berhampiran dengan selatan Tanah Melayu, sama ada di Semenanjung Tanah Melayu atau salah sebuah pulau dari Pulau-pulau di Kepulauan Riau–Lingga (Abd Jalil, 2012: 28).

Pahang dan Tioman merupakan kawasan pelabuhan kapal dagang yang pesat di samping Jawa, Srivijaya, Kedah, Jambi dan Palembang. Dipercayai bahawa Islam datang ke Pahang melalui aktiviti perdagangan. Hal ini digambarkan dalam karangan Abu Zaid al-Sirafi yang bertajuk *Akhbar al-Sin wa al-Hind*. Oleh kerana Pahang juga merupakan kawasan pelabuhan dagang dan tempat persinggahan untuk mendapat bekalan air sebagainya, ini mengukuhkan lagi teori bahawa Islam telah disebarluaskan oleh para musafir Arab yang melalui jalan laut. Ibnu Battutah dalam *Riahlahnya* telah menyentuh tentang pelabuhan dan kota Qaqulah. Digambarkan Qaqulah sebagai kota yang indah dan dikelilingi oleh tembok yang diperbuat daripada batu yang dipahat; gajah juga digunakan sebagai tunggangan dan mengangkat barang (Ibnu Battutah, 2014: 282-283).


Dipercayai juga Qaqulah (Qaqula, Kakula) ini terletak di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu, yakni laluan perjalanan Ibnu Battutah dari Selat Melaka ke China (Dunn, 2005: 280). Mohammad Redho dalam bukunya *Sejarah Awal Kedatangan Islam di Nusantara Khususnya Pahang* menyatakan, kemungkinan tempat yang disinggahi Ibnu Battutah tersebut adalah Pulau Tioman ataupun Pekan, Pahang sekitar tahun 1297 hingga 1346. Perkara ini berikutan Pahang dan Pulau Tioman telah wujud ketika itu sebagai sebuah kerajaan yang bernama Inderapura (Mohammad Redho, 2019: 570). Pulau Tioman atau pelabuhan Tiyumah sebagaimana digelar oleh pedagang-pedagang Arab menjadi tempat bertenuh sebelum meneruskan perjalanan ke China (Nik Hassan Shuhaimi & Zuliskandar: 2010: 407).

Laluan darat terbesar Tanah Melayu pada zaman dahulu dikenali sebagai **Jalan Penarikan**. Kedudukan Semenanjung Tanah Melayu satu masa dahulu adalah sangat strategik di mana ia menjadi laluan perdagangan yang penting. Salah satu laluan yang memainkan peranan besar ketika itu, adalah Jalan Penarikan. Jalan Penarikan ialah jalan pengangkutan yang utama digunakan oleh orang pada zaman dahulu bagi menghubungkan Laut China Selatan ke Selat Melaka. Dalam kajian yang dijalankan oleh Dr. Paul Wheatley berdasarkan rekod-rekod pemetaan melibatkan kawasan Semenanjung Tanah Melayu sejak tahun 1541 sehingga tahun 1613 oleh orang Eropah mendapati wujudnya satu jalinan

³ Terdapat banyak kitab berjudul *al-Masalik wa al-Mamalik* yang dikarang oleh ramai ahli geografi tetapi kajian mendapati bahawa Ibnu Khurdadhbih-lah orang pertama menggunakan tajuk ini (Muhammad Hatta, 2013: 230).

⁴ Nama sebenarnya Ibnu Khurdadhbih ialah Abu al-Qasim Ubaydullah bin Abdullah bin Khurdadhbih. Seorang ahli geografi Islam terkenal. Beliau dilahirkan di Khurasan pada tahun 205H/820 dan meninggal dunia pada tahun 300H/911. Beliau dikatakan pada awalnya beragama Zoroaster, namun memeluk Islam atas sebab-sebab tertentu (Ibid: 228-229).

laluan yang menghubungkan dua sistem sungai terbesar iaitu Sungai Muar dan Sungai Pahang (Namri, 26 Jun 2019).



Sumber : <https://iluminasi.com/bm/sejarah-jalan-penarikan-laluan-perdagangan-tanah-melayu-zaman-dahulu.html> (4 Februari 2020)

Peta 1 : Kedudukan sungai-sungai yang menghubungkan laluan Jalan Penarikan.

Jalinan Jalan Penarikan ini bermula dari negeri Pahang ikut (mudik) Sungai Pahang di Pekan; kemudian masuk ke sebuah anak Sungai Pahang iaitu Sungai Bera, selepas itu ikut pula sebuah anak Sungai Bera bernama Sungai Serting. Pada suatu tempat di hulu Sungai Serting, naik ke darat sejauh tiga ratus ela, masuk pula Sungai Jempol yang terletak di Negeri Sembilan, menghilir Sungai Jempol dan masuk ke Sungai Muar yang terletak di negeri Johor hingga ke Bandar Maharani. Dari Muar pergi ke Melaka dan tempat-tempat lain di barat Semenanjung Malaysia (https://ms.wikipedia.org/wiki/Jalan_Penarikan, 4 Februari 2020).

Dikatakan bahawa Jalan Penarikan ini sudah ada sebelum era Kesultanan Melaka lagi. Ia telah menjadi laluan para pedagang Arab bagi memendekkan masa perjalanan. Memandangkan laluan laut yang tidak selamat kerana adanya ancaman lanun-lanun, maka laluan ini merupakan alternatif terbaik menghubungkan Pahang, Muar, Melaka dan Siam pada waktu itu.



Sumber : <https://iluminasi.com/bm/sejarah-jalan-penarikan-laluan-perdagangan-tanah-melayu-zaman-dahulu.html> (4 Februari 2020)

Peta 2 : Peta lokasi titik pertemuan antara dua sungai iaitu Sungai Jempol dan Sungai Serting.

Pada tahun 1613, satu peta tentang Jalan Penarikan telah dibuat oleh Emanuel Godinho de Eredia, pengembara Portugis (walaupun ada yang mengatakan peta Jalan Penarikan ini dibuat pada tahun 1598). Dikatakan laluan ini mengambil masa selama enam hari untuk sampai ke Pekan dari Muar melalui Sungai Muar – Sungai Jempol – Jalan Penarikan – Sungai Serting – Sungai Bera – Sungai Pahang (Mohammad Redho, 2019: 575). Aktiviti perlombongan emas yang semakin terkenal di Pahang juga menjadi daya penarik bagi peniaga dan pedagang untuk menggunakan Jalan Penarikan, menyebabkan laluan tersebut mula menjadi tersusun dan terjaga berikutan kepentingannya kepada masyarakat zaman tersebut. Boleh dikatakan bahawa laluan ini merupakan antara tersibuk digunakan di Semenanjung pada masa itu (Ibid: 573).

Dikatakan orang terawal membuka Jalan Penarikan antara pertemuan Sungai Muar dan Sungai Jempol ialah Dato' Sempadang, seorang alim dan warak. Beliau berasal dari kawasan pedalaman Pasai dan datang ke sini bersama sembilan keluarga yang beliau ketuai. Adalah dipercayai bahawa kedatangan beliau ke Jempol itu berlaku pada abad ke-13 atau 14 (Ibid: 578). Pada masa itu kawasan Jempol juga menjadi kawasan pengajian agama Islam dengan terdirinya beberapa buah pondok pengajian dan melahirkan tokoh alim ulamak dalam bidang masing-masing.

Dapat disimpulkan di sini, Pahang turut menerima pengaruh Islam dengan adanya laluan Jalan Penarikan di mana para pedagang Arab yang menggunakan jalan ini sepanjang Sungai Pahang, Sungai Bera dan lain-lainnya dapat dikaitkan dengan kegiatan dakwah Islamiah. Ini ditambah dengan peranan orang-orang Pasai diketuai Dato' Sempadang yang telah berusaha untuk menyedarkan masyarakat dengan nilai-nilai agama apabila membuka pusat-pusat pengajian pondok. Ini secara tidak langsung berlakunya penyebaran Islam ke Pahang atas usaha beliau.

Seorang paderi Portugis, **Paderi de Eredia (1563–1623) telah merekodkan bahawa amalan Islam** telah dilakukan secara meluas oleh penduduk Pahang pada ketika itu. Menurut beliau, Islam bertapak di Pahang hampir seratus tahun lebih awal daripada Melaka. Berdasarkan keterangan daripada Paderi de Eredia ini, Abd Jalil menyatakan adalah tidak menghairankan kerana jika dibandingkan dengan rekod rasmi penerimaan Islam oleh Terengganu mengikut catatan pada Batu Bersurat Terengganu jelas menunjukkan tahun 702H iaitu bersamaan 1303 (Abd Jalil, 2014: 17). Oleh yang demikian, ada kemungkinan dari segi tarikh kedatangan Islam ke Pahang adalah pada abad ke-11, iaitu lebih dahulu berbanding Melaka.

Dari pada perbincangan yang dinyatakan ini dapatlah dikatakan bahawa Pahang adalah antara tempat terawal menerima kemasukan Islam daripada pendakwah dan pedagang Arab Islam selain daripada negeri-negeri Melayu yang lain. Pendapat ini dikuatkan lagi dengan catatan China Dinasti Song yang menyebut kedatangan Islam di sepanjang persisiran Laut China Selatan seawal-awalnya berlaku pada tahun 977 (Fatimi, 1963: 67). Catatan China menyebut Pahang sebagai ‘Lou-yueh’ (Wang Gungwu, 1958: 95) dan menjadi pintu masuk dan keluar pedagang-pedagang Arab dan Cina (Bradell, 1969: 17). Justeru peranan pendakwah dan pedagang Arab dalam menyebarkan Islam ke Pahang sememangnya tidak dapat dinafikan kerana dakwah Islamiah merupakan perkara yang tidak dapat dipisahkan sebagai seorang muslim.

Fakta-fakta yang dinyatakan ini tidaklah menafikan peranan besar yang dimainkan oleh kerajaan Melayu Melaka dalam penyebaran Islam di Pahang. Hakikatnya Islam tersebar luas setelah Melaka berjaya menakluki Pahang dan memaksa Maharaja Dewa Sura pemerintah Pahang ketika itu berundur. Maka bermulalah pemerintahan Kesultanan Pahang berketurunan Melaka yang berteraskan syariat Islam. Dalam tempoh 160 tahun (1454–1614) itu juga, di mana pembesar dan rakyat Pahang mula memeluk Islam secara besar-besaran. Sehubungan dengan itu, boleh dikatakan bahawa perkembangan Islam telah berlaku apabila dilihat peranan Melaka sebagai sebuah kerajaan Islam yang terpenting di alam Melayu.

Penyebaran Islam Melalui Melaka

Mengikut Linehan (1963: 12), Islam telah berkembang ke Pahang melalui jalur Melaka iaitu semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1446–1456) iaitu lebih kurang pada tahun 1454. Ia berdasarkan kepada tindakan baginda yang mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi bagi kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1446 dan baginda bertanggungjawab mengembangkannya ke Kepulauan Melayu dalam abad ke-15 dan selepasnya (Rubin, 1974: 7; Tregonning, 1964: 35). Sementara dalam kitab *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu) menjelaskan bahawa Pahang ditakluki sepenuhnya pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah apabila baginda menghantar angkatan perang untuk menyerang Pahang (Tun Seri Lanang, 2019: 154–157).

Hal ini juga dipersetujui oleh Mahayudin (2001: 126–127) dalam bukunya, *Islam di Alam Melayu* yang menjadikan kitab *Sulalatus Salatin* sebagai sandaran hujahnya. Dalam *Sulalatus Salatin* mengisahkan tentang seorang bangsa Arab yang bergelar Nakhoda Sidi Ahmad⁵ di Kampung Kuala Pahang semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah pada tahun 1494. Menurut catatan ini, Sidi Ahmad telah membantu Hang Nadim dari Melaka dalam

⁵ Sidi Ahmad adalah seorang Champa dan perkataan Sidi merujuk asal perkataan daripada kalimah Arab “Sayidi” yang mengertikan ‘Tuanku’, iaitu istilah yang digunakan seorang hamba terhadap tuannya atau seorang murid kepada gurunya atau dari seorang pengikut kepada ketuanya.

usaha mengambil Tun Teja, puteri Bendahara Pahang untuk diperisterikan oleh Sultan Mahmud Shah (Tun Seri Lanang, 2009: 182).

Begitu juga kajian yang dibuat oleh Abd Jalil (2012) dan kajian oleh Zaleha & Abdul Halim (2014) turut menekankan bahawa penyebaran Islam di Pahang secara holistik dan agresif adalah hasil hubungan dengan pemerintahan kerajaan Melayu Melaka khususnya pada abad ke-15. Setelah Melaka dapat menawan Pahang, maka Sultan Mansur Shah telah melantik wakil raja di Pahang dikenali Seri Bija Diraja (Tun Hamzah), sebab pada masa itu belum ada raja muda yang layak menjadi raja sebagai wakil sultan, sehingga berlaku peristiwa pembunuhan Tun Besar anak Tun Perak:

“Maka Seri Bija Diraja pun dianugerahi Sultan Mansur Shah payung, gendang, serunai dan nafiri, oleh jasanya menangkap Maharaja Sura. Maka Seri Bija Diraja dititahkan baginda diam di Pahang. Maka Seri Bija Diraja pun pergila ke Pahang,... maka ialah memerintah Pahang itu”.

(Tun Seri Lanang, 2009: 109)

Keadaan ini berjalan selama beberapa tahun sehingga berlaku peristiwa pembunuhan anak Tun Perak oleh Raja Muhammad. Akibat daripada tindakan ini, maka Raja Muhammad telah dihantar ke Pahang untuk memerintah di sana dengan gelaran Sultan Muhammad Shah. Pemerintahan baginda berlangsung selama lima tahun sahaja bermula 1470 hingga 1475. Wilayah kekuasaan baginda dari Sedili hingga ke Terengganu. Baginda bersemayam di Tanjung Langgar, Pahang Tua, Pekan (Zaleha & Abdul Halim, 2014: 37-38) dan sehingga kini masih banyak terdapatnya makam raja keturunan Melaka khususnya di kawasan Pahang Tua. Kegiatan dakwah Islam juga telah dimulakan oleh Sultan Muhammad Shah sebaik sahaja menaiki tahta kesultanan negeri Pahang dan mula menghantar para mubaligh ke daerah-daerah Pahang sekitar tahun 1470 (Muhammad Ikhlas, Rahimin Affandi & Mohd Anuar, 2015).

Setelah Melaka menakluki Pahang, dengan rasminya Pahang menjadi negeri Islam dan dapat membebaskan diri daripada cengkaman Siam yang beragama Buddha. Kedatangan orang Melaka juga membawa bersama mereka Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka yang berteraskan kepada syariah Islam dan bermazhab Syafie (Abd Jalil, 2012: 73-74). Dengan kedudukan Islam yang agak kukuh di Pahang maka ramai sejarawan menyatakan bahawa Islam telah dijadikan agama rasmi negeri Pahang pada abad ke-15.

Pengaruh Islam Melaka juga tergambar dengan undang-undang yang melatari sistem perundangan di Pahang. Pada masa pemerintahan Sultan Abdul Ghafar Mahyuddin Shah (1590–1614), satu teks undang-undang telah diperkenalkan atas arahan baginda. Undang-undang tersebut dikenali dengan Hukum Kanun Pahang yang dijadikan sebagai perlembagaan negeri sejak 1592 lagi. Lanjutan daripada itu juga Pahang diisytiharkan sebagai *Dar al-Islam* oleh Sultan Abdul Ghafar Mahyuddin Shah pada tahun 1592 (Muhammad Ikhlas, Rahimin Affandi & Wan Zailan Kamaruddin, 2018: 65). Ia bertujuan untuk menguatkuasa undang-undang serta pentadbiran negeri Pahang secara sistematik dan teratur.

Dalam muqadimah naskhah undang-undang yang digubal ini, ada dinyatakan secara jelas akan fungsinya iaitu:

“Ini suatu risalah ringkas yang menerangkan tugas raja-raja dan menteri-menteri Pahang.... dan ia disediakan pada zaman Sultan Abdul Ghafar Mahyuddin Shah...”

(Abdul Halim El-Muhammady & Asma Hakimah, 2019: 22)

Berdasarkan kepada beberapa penelitian yang dilakukan oleh para pengkaji, didapati bahawa Kanun Pahang merupakan inisiatif daripada Sultan Abdul Ghafar yang memerlukan suatu undang-undang untuk dijadikan asas pentadbiran baginda serta hubungan dengan pegawai-pegawai dan rakyat yang pelbagai peringkat. Penyediaan Kanun ini melibatkan ilmuwan agama (*fuqaha'*) dan ahli-ahli pentadbiran yang lain (Ibid: 17). Di dalamnya terkandung tentang hukum-hukum yang berteraskan syariah. Antaranya dinyatakan Undang-undang Jenayah; Undang-undang Sivil; Undang-undang Acara dan Keterangan; Undang-undang Keagamaan; Undang-undang Antarabangsa; dan juga berkenaan Undang-undang Percukaian (Ibid: 24-25).

Penggubalan Hukum Kanun Pahang ini mendapat pengaruh daripada Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang (Kanun) Laut Melaka, walaupun bukan sebahagian besar, tetapi perlu difahami pemerintah Pahang pada waktu itu merupakan daripada keturunan Kesultanan Melaka. Selain Hukum Kanun Melaka dan Kanun Laut Melaka, Kanun Pahang juga turut dipengaruhi oleh Kanun Johor (Ibid: 16).

Menurut Abd Jalil (2012: 163), penulisan Hukum Kanun Pahang adalah lanjutan daripada Hukum Kanun Melaka. Kanun ini kuat dipengaruhi oleh perundangan Islam. Hampir separuh daripadanya diambil secara langsung daripada perundangan Islam. Menurut Abd Jalil lagi, undang-undang Islam yang terdapat dalam Kanun Pahang lebih lengkap dan terperinci berbanding undang-undang Islam yang terdapat dalam Hukum Kanun Melaka.

Penyebaran Islam Oleh Orang Minangkabau, Bugis & Golongan Sayid

Pada pertengahan abad ke-16, orang-orang Minangkabau dari Sumatera telah berpindah beramai-ramai ke negeri Pahang. Mereka menganut agama Islam lima abad lebih awal daripada penduduk negeri Pahang. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan Jelai dan di sepanjang Sungai Pahang hingga ke Luit (Zaleha & Abdul Halim, 2014: 38), Raub dan Jerantut (Zaffuan, 2009). Mereka terkenal dengan panggilan orang Rao atau Rawa yang hebat dalam ilmu peperangan dan pengamal tarekat (Ibid). Kelompok Rao dari daerah Minangkabau turut menyebarkan ajaran Islam ke Pahang dengan ditandai tokoh seperti Tok Suji Bilang, Tok Besar, Tok Ali Mambang, Imam Ishaq, Imam Sani dan lain-lain (Abd Jalil, 2012; Zaffuan, 2009).

Pahang juga menerima kemasukan orang-orang Bugis khususnya terdiri daripada pengikut Raja Bugis Lima Bersaudara yang mempunyai pegangan kuat terhadap Islam. Anak Raja Bugis Lima Bersaudara datang ke Pahang atas undangan Raja Sulaiman bagi mengalahkan pengaruh Raja Kecil yang berketurunan Minangkabau. Antara legasi peninggalan orang Bugis ialah Pondok Pengajian Tuan Kadi Ismail di Bangau Tanjung (Zaleha & Abdul Halim, 2014: 38).

Gelombang seterusnya yang mewarnai perkembangan Islam di Pahang ialah kehadiran kelompok Arab yang bergelar Syed atau Alawiyyah/Alawiyyin. Mereka turut memainkan peranan penting dalam proses penyebaran Islam di Pahang. Kaum Alawiyyah ini datang ke Pahang sekitar abad ke 10H/16 bertujuan bermiaga dan turut komited menyampaikan dakwah Islam secara *bil lisan* dan *bil hal* (Badli Shah, 2007: 64-65). Di Pahang, terdapat sebuah kampung bernama Kampung Maulana yang terletak di Daerah Pekan yang dihuni oleh orang-orang Arab. Dari kampung inilah mereka mula berpengaruh dan mula menjalin hubungan dengan keluarga istana (Mahayudin, 2001: 128).

Catatan Abdullah Munshi (1796–1854) dalam menggambarkan kelompok sayid, apabila beliau pernah sampai di Pekan pada hari Selasa, 3 April 1838 dan menetap di sana selama tiga hari sebelum meneruskan perjalannya dari Singapura ke Kelantan. Menurut catatan dalam bukunya, *Kisah Pelayaran Abdullah bin Abdul Kadir Munshi*, mengenai kelompok ini di Pahang:

Keturunan sayid di Pahang disegani oleh orang Melayu. Jika berbahasa kepada mereka, menggunakan perkataan tengku dan hamba tengku, percakapan mereka terpakai kepada raja. Pekerjaan orang Arab itu ialah bermiaga, kebanyakannya dari mereka kaya. Rumah mereka rumah atap juga, tetapi lebih baik keadaannya daripada rumah orang Melayu. Kampung mereka pun berlainan dari kampung orang Melayu. Kebanyakan orang Arab itu tinggal di tepi pantai di seberang Kampung Cina (dipanggil Kampung Maulana) dan di kampung itu ada sebuah masjid. Masjid itu berdekatan dengan kampung Datuk Bendahara dan semua orang Melayu bersembahyang Jumaat.

(Abdullah, 1913: 10-12)

Antara tokoh yang penting daripada kalangan Sayid Alawiyyin di Pahang ialah Mufti Mukhsin bin Habib Abdul Rahman (1800), Syed Hassan bin Ahmad al-Attas (1832–1932), Kadi Besar Syed Abdul Rahman bin Syed Mohammed al-Yahya (1923–1991) dan ramai lagi. Dengan penyebaran Islam oleh para pendakwah dari luar, akhirnya seluruh rakyat Pahang telah menganut agama Islam dan seterusnya Islam dijadikan sebagai agama rasmi dengan Syafie diiktiraf mazhab utama sebagaimana termaktub dalam undang-undang Islam Pahang.

Berasaskan beberapa catatan sejarah, boleh diandaikan kedatangan Islam ke Pahang dapat dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu: **Fasa Pertama** merupakan fasa kedatangan dan persinggahan orang-orang Islam yang berlaku sekitar kurun ke-10. **Fasa kedua** ialah fasa penyebaran Islam secara kecil-kecilan di sekitar kawasan persisir pantai dan kuala sungai. Fasa ini juga telah mewujudkan perkampungan dan penempatan orang Arab berketurunan sayid. Fasa kedua ini berlaku sekitar kurun ke-11 hingga awal kurun ke-14. **Fasa ketiga**, ialah fasa kekuasaan dan perkembangan Islam. Ia bermula apabila Pahang ditakluki oleh kerajaan Melayu Melaka. Aktiviti perkembangan Islam melalui institusi raja juga bermula dalam fasa ini di bawah kuasa Sultan Muhammad Shah pada sekitar 1470 (Muhammad Ikhlas, Rahimin Affandi & Mohd Anuar, 2015: 10-11).

Kesimpulan

Sememangnya tidak dapat dinafikan Pahang telah menerima pengaruh Islam lebih awal berbanding dengan kewujudan kerajaan Melayu Melaka yang dikatakan ditubuh pada tahun 1262 (sebelumnya dikatakan tahun 1400). Konklusi ini dibuat memandangkan banyak pihak menyatakan bahawa pengislaman Pahang bermula dengan penaklukan Melaka (pada abad

ke-15) semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah dan kemudian sempurna ditangan Sultan Mansur Shah. Jadi, dengan penaklukan ini, ramai berpendapat bermulanya era kemasukan Islam ke Pahang dengan tanpa mengambil kira bukti-bukti dan sumber-sumber rujukan lain; berbanding rujukan sebelumnya yang banyak diambil dari koleksi rujukan Barat.

Berdasarkan hakikat ini, kajian-kajian yang banyak dilakukan kemudiannya menunjukkan bahawa teori ini agak lambat untuk menjelaskan tentang proses Islamisasi di Pahang. Penemuan-penemuan bukti baharu menunjukkan Pahang telah menerima pengaruh Islam lebih awal tetapi dalam skala yang kecil. Tidak dapat dinafikan bahawa pengislaman Pahang dilakukan secara tersusun dan dalam skala yang lebih besar melalui pentadbiran dan sistem beraja Pahang yang diasaskan melalui Kesultanan Melaka.

Antara bukti-bukti awal yang boleh dikaitkan dengan wujudnya elemen pengaruh Islam di Pahang ialah penemuan sebuah batu nisan di Kampung Teluk Cik Munah, Pekan yang bertarikh 419H/1028. Dengan penemuan batu nisan ini atau dikenali juga “Keramat Teluk Cik Munah” meletakkan Pahang antara negeri terawal yang menerima kehadiran Islam sekitar abad ke-11. Bagaimanapun, menurut Zaleha & Abdul Halim (2014: 36-37), batu nisan yang ditemui itu, dikatakan tidak dapat dikaitkan dengan perkembangan Islam di Pahang kerana ia hanya bukti terpencil yang tidak mempunyai kesinambungan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Mohd Yatim & Abdul Halim (2007), banyak persoalan yang perlu dirungkaikan ke atas penemuan batu nisan itu agar kesahihannya boleh dibuktikan terutama oleh pengkaji dan pakar sejarah.

Bukti-bukti lain yang boleh diketengahkan ialah penemuan ‘Timba Tembaga’ yang bertarikh 707H atau bersamaan 1308 yang dikatakan untuk kegunaan surau atau masjid di Pahang pada waktu itu. Begitu juga catatan-catatan yang dijumpai dalam kitab-kitab geografi Arab seperti *al-Masalik wa al-Mamalik* dan *Akhbar al-Sin wa al-Hind* melakarkan Pahang sebagai sebuah bandar perdagangan dan persinggahan para pedagang Arab dan China pada abad ke-9 dan 10. Catatan pengembara China seperti I-Tsing turut menguatkan hujah ini. Selain itu juga penghijrahan kelompok Arab Alawiyyin atau *ahlul bait* pada peringkat awal telah menyemarakkan lagi usaha-usaha dakwah ke Pahang khususnya sekitar kawasan Pekan, Temerloh dan lain-lain. Oleh itu, penemuan bukti-bukti ini jelas menggambarkan Pahang telah menerima kehadiran Islam lebih awal tanpa menafikan peranan dan pengaruh Melaka.

Rujukan

- Abd Jalil Borham. 2012. *Islam di Pahang*. Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Abd Jalil Borham. 2014 *Legasi Islam di Pahang; Wadah Transformasi Jati Diri Umat Gemilang*. Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Abdul Halim el-Muhammady & Asma Hakimah Ab Halim. 2019. *Qanun Pahang Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah (1592–1614M)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Abdul Kadir Munshi. 1913. *Kisah Pelayaran Abdullah bin Abdul Kadir Munshi*. M.P.H. Singapura.
- Abdullah Ishak. 1992. *Islam di Nusantara: Khususnya di Tanah Melayu*. Jabatan Perdana Menteri: BAHEIS.
- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. 2012. *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Badli Shah Alauddin. 2007. Peranan Ulama dalam Perkembangan Dakwah: Fokus di Negeri Pahang Darul Makmur dlm. *Memartabatkan Agama, Bangsa dan Negara* siri IV. Pekan: Jabatan Agama Islam Pahang.
- Bradell, R. 1969. Lung-Ya-Men and Tan Ma-His, *JMBRAS* (Vol.42). Pt. 1.
- Buyong Adil. 1984. *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dunn, R.E. 2005. *Pengembaraan Ibn Battuta Musafir Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Farid Mat Zain & Amnah Saayah Ismail. 2007. Peranan Ulama Terhadap Perkembangan Islam di Pahang pada Abad ke-19 dlm. Farid Mat Zain (Ed). *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Fatimi, S.Q. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Singapore: MRSI.
http://sultanabubakarmuseum.com/index.php?option=com_content&view=article&id=90:timba-tembaga&catid=39&lang=my&Itemid=217 (4 Februari 2020)
- <https://iluminasi.com/bm/sejarah-jalan-penarikan-laluan-perdagangan-tanah-melayu-zaman-dahulu.html> (4 Februari 2020)
- https://ms.wikipedia.org/wiki/Jalan_Penarikan (4 Februari 2020)

- Ibnu Battutah, Abu Abdullah Muhammad bin 'Abdillah. 2014. *Pengembaraan Ibnu Battutah: Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia*. Jilid 2. Petaling Jaya: MPH Group Publishing & IKIM.
- Linehan, W. 1936. A History of Pahang. *JMBRAS*. Jilid XIV. Bahagian II.
- Mahayudin Yahaya. 2001. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Mat (Dato' Sir), Disember 1955. Two Unidentified Muslim Graves at Kampung Permatang Pasir, Pekan District, Pahang. *The Malayan Historical Journal*. Vol. 2. No. 2.
- Mohammad Redho Abdul Ghafar. 2019. *Sejarah Awal Kedatangan Islam di Nusantara Khususnya Pahang*. Kuantan: Perkasa Ummah Ent.
- Mohd Mokhtar Shafii. 2007. Sejarah Dakwah Islam di Alam Melayu dan Perkembangannya di Negeri Pahang dlm *Memartabatkan Agama, Bangsa dan Negara siri IV*. Pekan: Jabatan Agama Islam Pahang.
- Mohd Nazri Ibrahim, et al.. 1998. *Perspektif Islam di Malaysia*. Jabatan Pengajian Media UM & Hizbi Sdn. Bhd.
- Mohd Yatim Othman & Abdul Halim Nasir. 2007. *Epigrafi Islam Terawal di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Anuar Ramli. 2015. Islamisasi Awal di Pahang: Satu Tinjauan Teori. *Jurnal Kemanusiaan* 24, (1). Hlm. 1-14.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abd Rahim & Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. 2018. Peranan Sultan Dalam Perkembangan Islam di Negeri Pahang. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 29, hlm. 51-70.
- Namri Sidek. 26 Jun 2019. *Sejarah Jalan Penarikan: Laluan Darat Terbesar Tanah Melayu Zaman Dahulu* dlm. <https://iluminasi.com/bm/sejarah-jalan-penarikan-laluan-perdagangan-tanah-melayu-zaman-dahulu.html> (2 Februari 2020)
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman & Zuliskandar Ramli, September 2010. Hubungan Asia Barat dengan Alam Melayu Berdasarkan Bukti Arkeologi Abad ke-9 dan Abad ke-14 dlm. <https://www.researchgate.net/publication/305205923>. Hlm. 403-426. (28 Januari 2021)
- Rubin, A.P. 1974. *The International Personality of the Malay Peninsula, A Study of the International Law of Imperialism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Tregonning. 1964. *A History of Modern Malaya*. Singapore: University of London Press.
- Tun Seri Lanang. 2009. *Sulalat al-Salatin ya'ni Perteturun Segala Raja-raja (Sejarah Melayu)* (penyt. Muhammad Haji Salleh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Wang Gungwu. 1958. The Nanhai Trade: A Study of the Early History of Chinese Trade in the South China Sea. *JMBRAS* (Vol. 31). Pt. 2.

Zaffuan Manap. 2009. *Bingkisan Sejarah Raub Rao dan Pagariyung: Pertaliannya dengan Raub dan Pahang*. Kuala Lumpur: Anjung Media Resources.

Zaleha Kamaruddin & Abdul Halim Taib. 2014. *Tokoh-tokoh Ulama Pahang*. Kerajaan Negeri Pahang dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.